

**GCR: Rahsia kelebihan utama Malaysia  
Utusan Online  
Februari 29, 2012**

KUALA LUMPUR 28 Feb. - Sektor kewangannya yang cekap dan maju menjadi kelebihan utama kepada Malaysia untuk berada di belakang Singapura dan Hong Kong dalam Laporan Daya Saing Global (GCR) 2011-2012 oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Di rantau Asia Pasifik, Malaysia yang merupakan di antara 10 negara teratas dengan berada pada kedudukan ke-21 daripada 142 negara, meningkat lima kedudukan dari tahun sebelumnya.

"Laporan GCR telah mengkategorikan Malaysia dalam peringkat pembangunan yang didorong oleh kecekapan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita AS\$3,000 (RM9,000) hingga AS\$8,999 (RM26,997).

"Ia juga berpandukan kepada pengajian tinggi dan latihan, kecekapan pasaran barangan, kecekapan pasaran buruh, pembangunan pasaran kewangan, kesediaan teknologi dan saiz pasaran yang meningkatkan daya saing Malaysia ke peringkat global." kata Laporan Tahunan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) 2011 di sini hari ini.

GCI terdiri daripada 12 tonggak daya saing yang melibatkan 111 petunjuk. Laporan tersebut terbahagi kepada 30 peratus data statistik (33 kriteria) dan 70 peratus data kajian (78 kriteria) daripada kaji selidik pendapat eksekutif.

Sebagai penambahbaikan, WEF mencadangkan bahawa Malaysia perlu meningkatkan kadar kemasukan pendidikan khususnya di sekolah rendah dan menengah serta kesediaan teknologi oleh sektor perniagaan khususnya dan penduduk.

Dalam mengukur daya saing negara, selain daripada GCR, terdapat dua lagi asas yang digunakan iaitu Laporan Melakukan Perniagaan 2012 (DB2012) oleh Bank Dunia dan Buku Tahunan Daya Saing Dunia 2011 (WCY 2011) oleh Institute of Development Management (IMD).

DB 2012 yang diterbitkan pada 20 Oktober 2011 oleh Bank Dunia menunjukkan kedudukan Malaysia meningkat lima anak tangga ke tempat 18 daripada 23 pada tahun lalu.

Dalam laporan itu, Malaysia telah diiktiraf dalam tiga indikator iaitu dalam memulakan perniagaan, penguatkuasaan kontrak dan penyelesaian insolvensi.

Malaysia berada di kedudukan kelima di kalangan negara-negara Asia dan berada di tempat ketiga di belakang Singapura dan Thailand untuk peringkat ASEAN.

Manakala untuk WCY 2011, Malaysia masih lagi di kalangan 20 ekonomi paling berdaya saing walaupun jatuh di kedudukan ke-16 setelah berada di tempat kesepuluh pada tahun 2010.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0229&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0229&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm)